

Pukatancam terumbu karang

Sinar Harian 3/10/2018 m/s 34

Pukat dibuang turut jadi faktor kematian ikan dan penyul

MOHD TAHA YAACOB

PULAU PERHENTIAN

Perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir nelayan membuang pukat di perairan pulau boleh menyebabkan kepupusan terumbu karang di taman laut negeri ini.

Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia Terengganu, Muhammad Nur Ashry

Bassari berkata, sekiranya perkara itu tidak dibendung, pihaknya kluatir terumbu karang akan mengalami kepupusan serius.

Menurutnya, kesusnahan terumbu karang akan memberi kesan kepada ekosistem hidupan marin sekali gus merencatkan kedatangan pelancong ke pulau negeri ini kerana sudah tidak ada tarikan lagi.

“Perbuatan ini dikesan bukan sahaja membabitkan nelayan tempatan tetapi turut melibatkan nelayan asing,” katanya selepas operasi memotong pukat di Pulau Perhentian.

Muhammad Nur Ashry berkata, pihaknya berjaya mengeluarkan sebanyak 25



Penyelam bersama pukat yang berjaya dibawa naik ke darat di Pulau Perhentian.

bidang pukat dianggarkan seberat 2.5 tan yang dibuang nelayan pada terumbu karang di beberapa pulau di Terengganu sepanjang tahun ini.

Menurutnya, kes membuang pukat banyak dikesan berlaku di Pulau Perhentian, Pulau Lang Tengah, Pulau Tenggol, Pulau Redang dan Kapas.

Katanya, pukat dibuang bukan sahaja merosakkan terumbu karang, malah menjadi salah satu faktor kematian ikan dan penyul kerana tersangkut pada pukat.

Sehubungan itu, pihaknya melakukan kerja

selaman secara berkala setiap tahun untuk memotong pukat berkenaan sekali gus menyelamatkan hidupan marin khususnya di kawasan taman laut negeri.

“Kami percaya nelayan menghampiri kawasan terumbu karang untuk memukat namun apabila mereka menyedari kehadiran pihak berkuasa, mereka akan memotong pukat terbabit untuk mengelak tindakan undang-undang,” katanya.

Terdahulu, 200 kilogram pukat berjaya dipotong dan dinaikkan ke darat hasil operasi selama tiga hari di kawasan Taman Laut Pulau Perhentian dan Pulau

Lang Tengah.

Muhammad Nur Ashry berkata, seramai 40 penyelam dari Jabatan Taman Laut Malaysia bersama jempunan dari Maritim, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Kuantan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Kelantan, penyelam sukarela, penduduk kampung serta GuSinar Besut menyertai program itu yang diketuai Ahmad Imran Mohamad.

“Kami berharap nelayan mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti tidak menceroboh untuk menangkap dan membuang pukat di kawasan terumbu karang.


info

- Sebanyak 25 bidang pukat dianggarkan seberat 2.5 tan ditemui tersangkut pada terumbu karang sepanjang tahun ini
- Kes buang pukat banyak berlaku di Pulau Perhentian, Pulau Lang Tengah, Pulau Tenggol, Pulau Redang dan Kapas

“Kawasan taman laut adalah dua batu nautika dari pulau dan semua aktiviti menangkap ikan dilarang sama sekali,” katanya.

Tambahnya, program menyelamatkan terumbu karang itu bukan sahaja terletak di bahu agensi kerajaan semata-mata, sebaliknya semua pihak termasuk orang awam dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu berganding bahu membantu.

Katanya, usaha yang dilakukan itu juga diharap dapat mengelak berlaku kes penyul mati akibat tersekat pada pukat dan karang mengalami kerosakan.



Penyelam, Raja Adnan Raja Ahmad memotong pukat yang tersangkut pada terumbu karang di Pulau Perhentian.